



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar Kedah

Tel : 04-7745100
Faks : 04-7328659
Laman Web : <http://jpnkedah.moe.gov.my>

Ruj Tuan:
Ruj. Kami : JPNK.600-11/2/1 Jld 6 (**3**)
Tarikh : **12** Jun 2022

Pengerusi
Young Buddhist Association Of Malaysia
No 9 Jalan SS25/2
Taman Mayang
47301 Petaling Jaya
SELANGOR

Tuan,

KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN GURU MURID BERAGAMA BUDDHA BAWAH KELAB AGAMA BUDDHA DAN BAHASA CINA SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman **tiada halangan** dan **membenarkan** pihak **Young Buddhist Association Of Malaysia** untuk menganjurkan **Kuiz Pengetahuan Am Agama Buddha Secara Dalam Talian Untuk Murid Sekolah-Sekolah Negeri Kedah yang Beragama Buddha Bawah Kelab Agama Buddha Dan Bahasa Cina Tahun 2022** seperti yang terkandung dalam surat tuan kepada kami.
3. Walau bagaimanapun perkara-perkara berikut mestilah dipatuhi;
 - 3.1 Mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
 - 3.2 Surat kebenaran ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan mendapatkan sumbangan dan tajaan dari mana - mana pihak.
 - 3.3 Penyertaan guru dan murid tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran / Program / Aktiviti di sekolah.
 - 3.4 **Kebeneran ini adalah untuk program/pertandingan secara yang telah mendapat kebenaran Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia Sahaja.**
 - 3.5 Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang ada unsur paksaan.
 - 3.6 Segala perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur.
 - 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah, guru dan murid berkenaan.
 - 3.8 Murid-murid yang terlibat mestilah mendapat kebenaran bertulis dari ibu/bapa atau waris/penjaga.
 - 3.9 **Pihak penganjur dikehendaki menghantar laporan berkenaan penglibatan pelajar dalam tempoh 30 hari selepas program dijalankan.(WAJIB)**

.../2

KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN GURU MURID BERAGAMA BUDDHA BAWAH KELAB AGAMA BUDDHA DAN BAHASA CINA SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI KEDAH DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2022

Ruj. Kami : JPNK.600-11/2/1 Jld 6 **3**

Tarikh : **12** Jun 2022

- 3.10 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
- 3.11 **Sila patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa bagi membendung penularan Virus Covid-19.**
- 3.12 Pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum / semasa / selepas program berlangsung bagi mendukung elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sufat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*)
4. Kebenaran ini (**Kuiz Pengetahuan Am Agama Buddha Secara Dalam Talian Untuk Murid Sekolah-Sekolah Negeri Kedah yang Beragama Buddha Bawah Kelab Agama Buddha Dan Bahasa Cina Tahun 2022**) adalah untuk tujuan tersebut di atas dan sah sehingga **31 Ogos 2022**.
5. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **En. Hasnizam bin Zakaria, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah** di talian **0162635969/047745175** untuk maklumat lanjut.

Segala perhatian daripada tuan amat kami hargai dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ROZAINI BIN AHMAD, AMK., BCK.)
Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

s.k 1.Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kedah

HBZ/YBAMKUIZ2022